

Headline **Kerjasama strategik Sirim, FRIM**
Date **06 Mar 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **98 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **965**
PRValue **2,895**



Kerjasama strategik Sirim, FRIM

SIRIM QAS International Sdn Bhd (Sirim) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalin kerjasama strategik dalam bidang perkhidmatan pengujian dan pensijilan untuk perhutanan serta produk hutan.

Kedua-dua organisasi itu juga akan bekerjasama mengenai kepakaran dan kemudahan sedia ada bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan dengan lebih berkesan.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata dengan kepakaran dan pengalaman dimiliki FRIM, pihaknya percaya pakatan kerjasama itu akan memberi manfaat bersama.

Beliau berkata, kerjasama itu tepat pada masa dalam usaha FRIM memberikan perkhidmatan terbaik bagi ujian dan pensijilan terutama dalam bidang perhutanan dan penentuan kualiti produk kayu bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Perkara ini penting memandangkan terdapat pelbagai halangan perdagangan yang memerlukan produk kayu-kayan Malaysia memenuhi piawaian ditetapkan negara pengimport seperti pensijilan FACs, JAS, CE Marks dan CARB.

“Malah, dalam keadaan alam sekitar yang semakin merosot akibat penggunaan sumber tenaga tidak terkawal sekarang, kita perlu mengembalikan keyakinan pengguna melalui langkah dan kaedah menyeluruh,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sirim baru-baru ini turut diiktiraf sebagai badan pensijilan pertama Malaysia untuk menjalankan program PEFC iaitu pensijilan pengurusan hutan dan produk hutan di samping memberi perkhidmatan pengujian dan pensijilan barangan berasaskan kayu.